



## SOALAN LAZIM PIN & BAYAR UNTUK KAD DEBIT BSN

### Latar Belakang

PIN atau *Personal Identification Number* (Nombor Pengenalan Peribadi) ialah kod rahsia yang diberikan kepada pemegang kad atau dipilih oleh pemegang kad bagi membuktikan mereka adalah pemilik sah kad pembayaran tersebut. PIN untuk kad di Malaysia mempunyai enam (6) digit. PIN diperlukan apabila membuat pembayaran menggunakan kad di terminal jualan di Malaysia. Ini bertujuan meningkatkan keselamatan kad anda terhadap urus niaga tanpa kebenaran kerana nombor PIN anda hanya diketahui oleh anda.

#### 1. Bilakah saya perlu menggunakan PIN?

Anda memerlukan PIN untuk melaksanakan semua urusan pembelian runcit di terminal jualan, terminal layan diri di stesen minyak dan untuk pengeluaran tunai di ATM di Malaysia.

#### 2. Bagaimana untuk saya menggantikan Kad Debit BSN Visa atau Kad Matrix BSN sedia ada kepada Kad Debit PIN & BAYAR baharu?

Anda boleh menukar kad sedia ada anda kepada Kad Debit PIN & BAYAR baharu di mana-mana cawangan BSN. Sila bawa Kad Debit BSN Visa atau Kad Matrix BSN sedia anda dan MyKad untuk tujuan pengesahan.

#### 3. Adakah saya perlu membayar sebarang caj tambahan apabila saya membuat penggantian kad debit sedia ada kepada Kad Debit PIN & BAYAR Baharu?

Tiada caj tambahan bagi penggantian kad sedia ada kepada Kad Debit PIN & BAYAR Baharu.

#### 4. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan PIN saya bagi tujuan pengaktifan Kad Debit PIN & BAYAR Baharu?

Anda boleh mendapatkan PIN anda menerusi salah satu saluran di bawah:

<u>Cawangan BSN</u>	Atau	<u>SMS</u>
<p>Anda boleh menetapkan PIN pilihan anda dengan menggunakan alat PIN Pad di Cawangan BSN.</p> <p>PIN pilihan yang dipilih akan menjadi PIN tetap anda.</p> <p>Sila bawa Kad Pengenalan dan Kad Debit BSN baharu anda untuk tujuan pengesahan.</p>		<p>Sila guna nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan Bank.</p> <p><b>Langkah 1:</b> Taip <b>BSNPIN&lt;jarak&gt;No. KP &lt;jarak&gt;4-Digit akhir No Kad Debit</b> dan hantar ke <b>66300</b>.</p> <p>Contoh: <b>BSNPIN 80070307777 3456</b></p> <p><b>Langkah 2:</b> Terima PIN Sementara anda menerusi SMS.</p> <p><b>Langkah 3:</b> Tukar PIN Sementara ke PIN Tetap anda di mana-mana ATM BSN <b>dalam tempoh 24 jam*</b>.</p> <p>Pilih Bahasa &gt; Masukkan PIN Sementara &gt; Pilih "Penukaran PIN" &gt; Masukkan PIN Tetap &gt; Sahkan PIN Tetap.</p> <p><b>*Nota penting:</b> PIN Sementara adalah sah untuk tempoh 24 jam sahaja. Jika anda gagal untuk menukarkan PIN Sementara kepada PIN tetap dalam tempoh sah tersebut, sila ulangi langkah-langkah seperti di atas.</p>

#### 5. **Apakah yang akan berlaku sekiranya saya terlupa PIN?**

Jika anda terlupa PIN anda, anda tidak dapat menggunakan kad anda di terminal jualan, *dispenser* petrol automatik dan terminal layan diri yang memerlukan PIN. Sila kunjungi mana-mana cawangan BSN untuk mendapatkan PIN yang baru sebelum kad boleh digunakan untuk melakukan sebarang transaksi.

#### 6. **Apakah yang akan berlaku jika saya masukkan PIN yang salah?**

Anda dibenarkan sehingga tiga (3) cubaan sebelum kad anda disekat. Cubaan PIN yang terhad melindungi anda daripada kemungkinan perbuatan jenayah menggunakan kad anda. Jika kad anda disekat, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1300-88-1900 untuk bantuan atau kunjungi mana-mana cawangan BSN untuk mendapatkan PIN yang baru.

Sekiranya anda telah memasukkan PIN yang salah 3 kali di ATM, atau melakukan sebarang kesilapan lain, kad anda akan disekat dan dikeluarkan dari mesin. Walau bagaimanapun, sekiranya kad anda terperangkap/ditelan oleh ATM, sila kunjungi mana-mana cawangan BSN **untuk mendapatkan kad debit yang baru.**

#### 7. **Bagaimanakah saya membuat pembayaran di terminal jualan?**

LANGKAH 1: Masukkan atau sentuhkan kad anda pada terminal.

LANGKAH 2: Masukkan PIN 6-Digit anda apabila diminta.

Tiada tandatangan diperlukan untuk pembelian RM250 dan ke bawah menerusi transaksi tanpa sentuh (*contactless*).

### **PENGGUNAAN PIN DI LUAR NEGARA**

#### 8. **Saya akan berlepas ke luar negara. Apakah implikasi yang terlibat?**

Sila pastikan anda telah mengaktifkan kad anda sebelum ke luar negara. Pemegang Kad boleh MENGAKTIFKAN fungsi “Transaksi Luar Negara” melalui saluran berikut:

- ATM BSN
- Cawangan BSN
- Pusat Khidmat Pelanggan BSN di talian 1300-88-1900 atau +603 2013 1900 (di luar Malaysia)

Di negara-negara yang mengamalkan penggunaan PIN, anda akan diminta untuk melengkapkan transaksi menggunakan PIN. Walau bagaimanapun tidak semua pasaran luar negara lengkap untuk menyokong penggunaan PIN. Jika terminal di luar negara tersebut tidak menyokong penggunaan PIN 6-Digit, anda boleh menggunakan tandatangan untuk meluluskan pembayaran.

### **PENGGUNAAN PIN UNTUK PEMBELIAN ATAS TALIAN**

#### 9. **Adakah saya perlu menggunakan PIN untuk pembelian atas talian?**


Tidak, anda tidak perlu memasukkan PIN anda untuk pembelian atas talian dan anda tidak harus mendedahkan ia bila menggunakan saluran pembayaran ini. Sila pastikan anda telah mengaktifkan kad anda di fungsi “Pembelian Atas Talian” anda. Pemegang Kad boleh MENGAKTIFKAN fungsi ini melalui saluran berikut:

- ATM BSN
- Cawangan BSN
- Pusat Khidmat Pelanggan BSN di talian 1300-88-1900 atau +603 2013 1900 (di luar Malaysia)

## **PEMBAYARAN TANPA SENTUH**

### **10. Bagaimana pula dengan pembayaran Tanpa sentuh MyDebit dan Visa payWave?**

Kad PIN & BAYAR baharu anda dilengkapi dengan ciri pembayaran tanpa sentuh.

- Untuk urusan RM250 dan di bawah: PIN tidak diperlukan. Hanya sentuhkan kad pada pembaca tanpa sentuh untuk melengkapkan transaksi anda. Kaedah pembayaran ini boleh dilaksanakan di mana sahaja simbol tanpa sentuh dipaparkan 
- Untuk urusan melebihi RM250: anda akan diminta untuk memasukkan PIN untuk melengkapkan transaksi anda.
- Setiap transaksi tanpa sentuh dihadkan kepada RM250 dan jumlah transaksi terkumpul adalah terhad kepada jumlah maksimum tertentu yang ditetapkan oleh Bank dan tertakluk kepada Had Pembelian Harian. Anda boleh mengurangkan had ini atau membatalkan fungsi pembayaran tanpa sentuh di mana-mana Cawangan BSN.

### **11. Bolehkah saya membuat pembelian tanpa saya sedari jika saya berjalan melalui pembaca kad tanpa sentuh?**

Kad tanpa sentuh hanya akan berfungsi apabila kad diletakkan dalam lingkungan jarak 4cm daripada pembaca tanpa sentuh. Tambahan pula, juruwang akan diperlukan untuk membolehkan pembaca kad memulakan transaksi di terminal untuk menerima pembayaran. Jika pembaca tanpa sentuh itu tidak memproses transaksi, ia tidak akan membaca mana-mana kad tanpa sentuh yang dibentangkan di hadapannya dengan tidak sengaja.

### **12. Apakah yang akan berlaku jika saya secara tidak sengaja mengimbas kad saya sebanyak dua kali pada pembaca tanpa sentuh?**

Terminal tanpa sentuh hanya boleh memproses satu transaksi pada satu masa. Walaupun kad tanpa sentuh itu diimbas lebih dari sekali tanpa sengaja, anda hanya akan dicaj sekali sahaja untuk transaksi tersebut.

### **13. Apakah yang akan berlaku jika saya mempunyai lebih dari satu kad tanpa sentuh dalam dompet dan saya imbaskan dompet saya pada pembaca tanpa sentuh?**

Terdapat kemungkinan pembaca tanpa sentuh boleh mengesan lebih dari satu kad. Walau bagaimanapun, transaksi pembayaran itu tidak akan lengkap. Anda perlu melakukan transaksi tersebut sekali lagi.

Sila pastikan anda mengeluarkan kad yang diinginkan dari dompet anda dan sentuh pada pembaca tanpa sentuh.

### **14. Apakah yang akan berlaku jika penipu membaca kad saya dengan meletakkan pembaca tanpa sentuh berhampiran dengan dompet saya?**

Sekiranya berlaku dimana butir-butir keselamatan kad tanpa sentuh dibaca oleh penipu melalui pembaca tanpa sentuh yang berhampiran dengan poket atau dompet anda, terdapat ciri-ciri perlindungan yang akan mengelakkan penggunaan butiran keselamatan kad tanpa kebenaran dari kad yang dipintas. Setiap transaksi tanpa sentuh terdapat satu kod unik yang berubah dengan setiap pembelian, di mana ia hanya boleh digunakan sekali sahaja dan dijana oleh cip dalam kad tanpa sentuh yang asal, serta untuk menghalang kad palsu dihasilkan daripada butiran keselamatan kad yang dipintas.

Sekiranya berlakunya penipuan, anda tidak akan bertanggungjawab ke atas penipuan atau pembelian yang tidak dibenarkan atas penggunaan ciri-ciri tanpa sentuh pada kad cip anda. Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera jika terdapat sebarang penggunaan kad yang tidak

dibenarkan atau aktiviti yang mencurigakan. Walau bagaimanapun, anda mungkin bertanggungjawab bagi pembelian tanpa kebenaran jika anda cuai dalam melindungi kad atau PIN anda.

**15. Bolehkah seorang penipu mencuri kad saya dan menggunakannya untuk mengosongkan akaun bank saya?**

Ciri-ciri perlindungan telah disediakan untuk mengurangkan penggunaan kad tanpa sentuh yang hilang atau dicuri. Had maksimum transaksi tanpa sentuh serendah RM250 dan bagi transaksi yang melebihi RM250 tidak akan dibenarkan tanpa pengesahan PIN atau tandatangan yang sah dari pemegang kad.

**16. Bagaimana saya boleh pastikan PIN saya selamat?**

Adalah sangat penting bagi anda untuk merahsiakan PIN anda supaya kad anda dilindungi daripada penipuan akibat dari kehilangan dan kecurian kad. Berikut adalah langkah-langkah untuk menjaga keselamatan PIN anda:

- Tidak menyimpan rekod bertulis tentang PIN anda bersama dengan kad.
- Tidak membenarkan orang lain melihat PIN anda semasa anda memasukkannya.
- Tidak menyimpan PIN anda dalam bentuk yang mudah dikenalpasti sebagai PIN (contoh: tarikh lahir, tarikh ulang tahun, sebahagian daripada nombor telefon peribadi, nombor kad pengenalan dll).
- Tidak mendedahkan PIN anda kepada orang lain (termasuk pihak berkuasa, ahli keluarga atau pasangan).
- Tidak cuai atau lalai mendedahkan PIN anda.
- Sentiasa semak penyata dan transaksi untuk mengenal pasti sebarang aktiviti penggunaan tanpa kebenaran.
- Melaporkan kepada Bank dengan segera jika anda menyedari kad anda hilang atau dicuri atau PIN anda telah diketahui oleh orang lain.

\*\*\* JULAI 2023\*\*\*